Kadar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kadar adalah seperti di <b>Jadual E4-U51</b>.</li> <li>2. Dibayar mulai bulan berikutnya selepas tarikh keputusan peperiksaan dengan syarat lulus keseluruhan peperiksaan bagi bahasa atau loghat tersebut.</li> </ol>
Agensi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Ketua Mahkamah Persekutuan</li> <li>2. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)</li> <li>3. Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan</li> </ol>
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1975</li> <li>2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1976</li> <li>3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2002</li> <li>4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>

Catatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan bahasa dan loghat serta menyimpan senarai rekod peperiksaan berkenaan yang dikendalikan setiap tahun.</li> <li>2. Jurubahasa yang telah disahkan dalam perkhidmatan sahaja boleh menduduki peperiksaan bahasa atau loghat. Permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dan Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan bahawa setiap Jurubahasa yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:       <ol style="list-style-type: none"> <li>a. telah disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>b. mempunyai prestasi yang baik; dan</li> <li>c. tambahan bahasa atau loghat yang dipohon adalah perlu dan berguna dalam kerja harian Jurubahasa berkenaan.</li> </ol> </li> <li>3. Jurubahasa yang dilantik selepas 1 Oktober 2002, boleh mengumpul tiga (3) bahasa atau loghat bagi Elaun Bahasa Berpencen, manakala untuk bahasa atau loghat yang seterusnya diberi dengan taraf tidak berpencen;</li> <li>4. Jurubahasa yang menikmati lebih daripada tiga Elaun Bahasa Berpencen sebelum 1 Oktober 2002, hanya layak dibayar Elaun Bahasa Berpencen atas kadar terkini untuk tiga (3) bahasa atau loghat pertama yang diperolehi. Elaun Bahasa Berpencen selebihnya yang diterima sebelum ini hendaklah terus dibayar atas kadar sebelum 1 Oktober 2002;</li> <li>5. Mahkamah yang dimaksudkan adalah Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Syariah, Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Buruh dan Mahkamah Kuasa Tempatan; dan</li> <li>6. Elaun ini akan diambil kira sebagai tambahan kepada gaji hakiki jika Jurubahasa bertukar skim perkhidmatan dalam pelarasan gajinya kepada gaji skim perkhidmatan baru.</li> </ol>
---------	--

**Jadual E4-U51: kadar Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah**

Kumpulan Bahasa	Bahasa/Loghat	Kadar Sebulan (RM)	
		Lisan	Tulisan
Bahasa Utama	Inggeris (Khas)	-	150.00
	Cina (Khas)	-	160.00
	Cina (Menengah)	-	120.00
	Jawi	-	90.00
	Tamil	70.00	90.00
	Mandarin	70.00	-
	Melayu	70.00	-
Bahasa Lain dan Loghat	Hock Chiu (Foo Chow)	90.00	-
	Hing Hua	90.00	-
	Hainanese (Hailam)	90.00	-
	Shanghainese	90.00	-
	Cantonese	90.00	-
	Hakka	90.00	-
	Hokkien	90.00	-
	Teochew	90.00	-
	Punjabi	90.00	150.00
	Telugu	90.00	150.00
	Malayalam	90.00	150.00
	Marathi	90.00	150.00
	Pushtu	90.00	150.00
	Bengali	90.00	150.00
	Gujerati	90.00	150.00
	Singhalese	90.00	150.00
	Hindi	90.00	150.00
	Urdu	90.00	150.00
	Jawa	90.00	-
	Bugis	90.00	-
	Boyan	90.00	-
	Thai	90.00	150.00
Bahasa Tempatan di Sabah dan Sarawak	90.00	-	
Bahasa Asing	Arab	120.00	150.00
	Jepun	120.00	150.00
	Lain-lain	120.00	150.00

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Kalibrasi Penerbangan								
Tahun Pewujudan	1980								
Objektif	Memastikan perkhidmatan kalibrasi penerbangan di lapangan terbang di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan.								
Kriteria	Kelayakan								
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.								
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Penolong Pemeriksa Kapal Terbang yang menjalankan tugas kalibrasi penerbangan.								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Perkhidmatan*</th> <th>Kadar Sebulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 - 5 tahun</td> <td>350.00</td> </tr> <tr> <td>6 - 10 tahun</td> <td>750.00</td> </tr> <tr> <td>11 tahun dan ke atas</td> <td>1,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Perubahan kadar akan berlaku apabila genap 6 tahun dan 11 tahun perkhidmatan</i></p>	Tahun Perkhidmatan*	Kadar Sebulan (RM)	1 - 5 tahun	350.00	6 - 10 tahun	750.00	11 tahun dan ke atas	1,000.00
Tahun Perkhidmatan*	Kadar Sebulan (RM)								
1 - 5 tahun	350.00								
6 - 10 tahun	750.00								
11 tahun dan ke atas	1,000.00								
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia								
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perenggan 1(c), Surat JPA 535/74/7sk/Gaji(59) bertarikh 2 Februari 1980</li> <li>Perenggan 2.4, Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007</li> <li>Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>								

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Kewangan
Tahun Pewujudan	1999
Objektif	Memastikan tugas pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan teratur secara sepenuh masa.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibayar kepada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan secara <b>sepuh masa</b>; dan</li> <li>2. Pegawai Pengawal boleh memberi pertimbangan khas kepada pegawai-pegawai selain daripada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan. Pegawai-pegawai tersebut adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan <b>sepuh masa</b> tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan; dan</li> <li>b. Pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah yang ditempatkan bertugas di <b>pejabat kecil</b> dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan selain menjalankan tugas hakikinya.</li> </ol> </li> </ol>

Kadar		
Bil.	Tahap Kecekapan /Kederasan	Kadar Sebulan (RM)
1.	Pegawai yang telah lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) atau memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan	80.00
2.	Pegawai yang belum lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM atau tiada kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan	40.00

Pegawai yang layak dibayar Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:

1. bagi Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan, BITK dibayar mulai tarikh penempatan pegawai di jawatan yang melaksanakan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa;
2. bagi pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah, BITK dibayar mulai tarikh pegawai diarah menjalankan tugas pengurusan kewangan secara sepenuh masa; dan
3. pemberian BITK pada kadar RM80.00 sebulan adalah pada keadaan seperti berikut:
  - a. pegawai yang telah memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan semasa dilantik, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan mulai tarikh pegawai diarah menjalankan tugas pengurusan kewangan;
  - b. pegawai yang lulus peperiksaan kewangan yang dikendalikan oleh JANM, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan pada bulan berikutnya setelah tarikh keputusan peperiksaan tersebut dikeluarkan; dan



	<p>c. pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan dan kemudiannya memiliki kelayakan akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan, layak dibayar BITK pada kadar RM80.00 sebulan pada bulan berikutnya setelah memiliki kelayakan akademik tersebut.</p>
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2019</li> <li>2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>
Catatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>‘Pegawai Pengawal’</b> bermaksud pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguat kuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuatkuasakan di bawah tujuan itu, dan termasuk semua tanggungjawab Pegawai Perakaunan.</li> <li>2. <b>‘pejabat kecil’</b> bermaksud unit di sesuatu jabatan sama ada di peringkat negeri, wilayah, daerah, stesen atau istilah lain yang digunakan bagi unit yang berkenaan di mana lokasi unit tersebut wujud secara bersendirian. Perjawatan unit ini adalah berdasarkan pengoptimuman sumber manusia sedia ada yang memerlukan kemahiran <i>multitasking</i> atau/dan <i>multi-skilling</i>.</li> <li>3. <b>‘tugas pengurusan kewangan’</b> bermaksud mana-mana tugas yang ditetapkan oleh JANM seperti di <b>Jadual E4-U53</b>.</li> </ol>

**Jadual E4-U53: Bidang Dan Deskripsi Tugas Pengurusan Kewangan dan Perakaunan**

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
<b>1.</b>	<b>PENGURUSAN DAN KAWALAN BELANJAWAN</b>	
a.	Menyedia dan mengemaskini belanjawan tahunan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan maklumat dalam penyediaan dasar belanjawan.</li> <li>ii. Menyedia pekeliling atau surat arahan berhubung dengan penyediaan anggaran belanjawan.</li> <li>iii. Memastikan cadangan anggaran belanjawan disediakan mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan atau surat arahan penyediaan anggaran belanjawan.</li> <li>iv. Menyediakan cadangan anggaran belanjawan tahunan yang disatukan dan mengemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam jangka masa yang ditetapkan.</li> <li>v. Membantu pegawai dalam pemeriksaan dan pembentangan belanjawan.</li> </ul>
b.	Mengurus dan mengawal peruntukan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyedia dan mengagihkan waran peruntukan.</li> <li>ii. Menguruskan pindahan, agihan, tambahan dan tarik balik peruntukan.</li> <li>iii. Mengemas kini rekod waran peruntukan.</li> </ul>
c.	Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan mengemaskini Buku Vot.</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan Buku Vot/Laporan Kedudukan Vot/Dana.</li> <li>iii. Menyediakan laporan perbelanjaan dari semasa ke semasa.</li> </ul>
<b>2.</b>	<b>PENGURUSAN KEWANGAN AM</b>	
a.	Mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan mengemaskini buku tunai panjar.</li> <li>ii. Menyemak dan mengesah buku tunai panjar.</li> <li>iii. Menyedia dan memproses baucar panjar dan Arahan Pembayaran rekupmen panjar.</li> <li>iv. Menyemak permohonan kiriman wang panjar.</li> <li>v. Memproses penghantaran wang panjar.</li> <li>vi. Menyedia atau menyemak jurnal dan Penyata Penyesuaian Panjar.</li> <li>vii. Menyedia Sijil Perakuan Panjar.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
		viii. Menyemak dan mengesah Sijil Perakuan Panjar.
b.	Mengurus, merekod dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pendahuluan diri, pendahuluan pelbagai, pinjaman komputer dan telefon bimbit ( <i>smart phone</i> ) dan pinjaman kenderaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memproses permohonan atau kelulusan semua jenis pendahuluan atau pinjaman Pegawai Perkhidmatan Awam termasuk pinjaman perumahan dan lain-lain pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan.</li> <li>ii. Merekod, mengemaskini dan menyemak buku daftar semua jenis pendahuluan atau pinjaman.</li> <li>iii. Memantau bayaran balik pendahuluan atau pinjaman serta mengambil tindakan pelarasan sekiranya perlu.</li> <li>iv. Menyemak baki dan membuat pengiraan tunggakan bayaran balik serta denda yang perlu dikenakan.</li> <li>v. Menyedia dan mengedar laporan atau penyata akaun peminjam kepada pihak berkaitan.</li> <li>vi. Menyemak laporan akaun peminjam pendahuluan atau pinjaman dan mengambil tindakan susulan.</li> </ul>
c.	Menguruskan keselamatan peti besi atau bilik kebal dimana wang awam dan barang-barang bernilai disimpan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyimpan selamat wang awam dan buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang lain yang berharga termasuk kunci mesin meresit dalam peti besi/bilik kebal.</li> <li>ii. Menyimpan selamat dan mengendalikan penyerahan kunci kombinasi/anak kunci peti besi/bilik kebal.</li> <li>iii. Mengesah dan memperakui kandungan peti besi/bilik kebal dari semasa ke semasa.</li> <li>iv. Melaporkan kehilangan anak kunci peti besi/bilik kebal kepada Ketua Pejabat.</li> </ul>
d.	Mengurus dan memantau akaun bank.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyedia atau memproses permohonan pembukaan dan penutupan akaun bank serta mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat pengurusan akaun bank.</li> <li>ii. Menyedia Penyata Penyesuaian Bank dan mengambil tindakan susulan.</li> <li>iii. Memantau penerimaan dan membuat semakan Penyata Penyesuaian Bank.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
e.	Mengurus dan mengendalikan pengedaran wang tunai, cek dan <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT).	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurus bekalan, penyimpanan dan penggunaan cek kosong.</li> <li>ii. Mengurus penyediaan cek bayaran termasuk mendapatkan tandatangan, menyemak ketepatan dan menyisih cek.</li> <li>iii. Menguruskan penghantaran cek.</li> <li>iv. Mengutip cek dan merekod dalam Daftar Pembayaran.</li> <li>v. Menguruskan penunaian cek terbuka.</li> <li>vi. Menyerahkan wang tunai atau cek kepada penerima berhak.</li> <li>vii. Menguruskan cek atau EFT gantian.</li> </ul>
f.	Mendapatkan semula dan mengakaunkan perbelanjaan tidak rasmi atau terlebih bayar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan maklumat butir-butir perbelanjaan tidak rasmi (contoh: panggilan telefon persendirian) atau bayaran yang terlebih bayar oleh jabatan.</li> <li>ii. Menyediakan surat atau memo tuntutan bayaran balik dan membuat kutipan.</li> <li>iii. Menyelaraskan amaun yang dikutip.</li> </ul>
g.	Menyelenggara dokumen/borang kewangan terkawal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurus bekalan borang-borang kewangan terkawal seperti Resit Rasmi, Pesanan Kerajaan, Inden Kerja, Waran Perjalanan, Lesen, Buku Tunai Cerakinan dan dokumen kewangan terkawal lain.</li> <li>ii. Merekod dan menyimpan selamat borang atau dokumen kewangan terkawal seperti surat perjanjian, dokumen tender dan lain-lain.</li> <li>iii. Mengendalikan urusan kehilangan dan pelupusan dokumen atau borang kewangan terkawal.</li> </ul>
h.	Mengendalikan Buku Daftar Cek Terimaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan mengemaskini Buku Daftar Cek Terimaan.</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran dalam Buku Daftar Cek Terimaan.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
<b>3.</b>	<b>PENGURUSAN TERIMAAN</b>	
a.	Mengurus pengeluaran invois semua jenis terimaan wang awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul dan menyediakan maklumat untuk pengeluaran invois.</li> <li>ii. Mengeluarkan dan menguruskan penghantaran invois.</li> </ul>
b.	Menerima semua jenis wang awam dan mengeluarkan Resit Rasmi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima kutipan wang tunai/cek/deraf bank/ePembayaran dan mod terimaan lain serta merekod dalam buku tunai.</li> <li>ii. Menyedia dan mengeluarkan Resit Rasmi (dalam apa jua bentuk).</li> <li>iii. Menyimpan rekod cek tak laku dan mengambil tindakan pengutipan semula terimaan.</li> <li>iv. Menyemak buku resit/lesen yang diterima selaras dengan Arahan Perbendaharaan 66.</li> <li>v. Menyediakan dokumen pelarasan bagi cek tak laku dan memaklumkan kepada Pemungut berkenaan.</li> </ul>
c.	Mengumpul dan menyerahkan terimaan wang awam serta salinan dokumen/laporan terimaan kepada pegawai bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul dan menyerahkan semua kutipan wang tunai, cek, deraf bank, wang pos dan lain-lain bersama-sama salinan dokumen atau laporan terimaan kepada pegawai bertanggungjawab.</li> </ul>
d.	Menyelenggara Buku Tunai Cerakinan/ Laporan Buku Tunai	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan mengemaskini Buku Tunai Cerakinan.</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran dalam Buku Tunai Cerakinan/Laporan Buku Tunai.</li> </ul>
e.	Menyedia Penyata Pemungut dan memasukkan terimaan ke bank.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan Penyata Pemungut.</li> <li>ii. Memasukkan semua terimaan ke bank.</li> <li>iii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan pindah catat urus niaga penyata pemungut.</li> <li>iv. Menyemak dan mengesahkan terimaan yang telah diperakaunan telah dibankkan</li> </ul>
f.	Menyediakan dan mengemukakan laporan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan semua dokumen kewangan yang diperlukan dalam penyediaan Laporan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) untuk dihantar ke Bahagian Akaun Kementerian.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Menyelenggara dan melaporkan akaun belum diterima.</li> <li>iii. Memantau penerimaan, merekod, menyemak Laporan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dan mengambil tindakan susulan.</li> </ul>
g.	Menyelenggara Laporan Akaun Belum Terima (ABT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyelenggara rekod dan laporan ABT termasuk menyelenggara: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Akaun Kawalan ABT;</li> <li>b) Akaun Subsidiari ABT; dan</li> <li>c) Daftar-daftar lain: <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Daftar Cek Tak Laku;</li> <li>2) Daftar Sewaan;</li> <li>3) Daftar Emolumen Terlebih Bayar;</li> <li>4) Daftar Pendahuluan Diri;</li> <li>5) Daftar Pendahuluan Pelbagai;</li> <li>6) Daftar Denda Ke Atas <i>No Show Passenger</i>;</li> <li>7) Daftar Penjejasan Nilai Akaun Belum Terima; dan</li> <li>8) Daftar Hapus Kira.</li> </ul> </li> <li>d) Penyata Akaun Belum Terima dan Tunggakan.</li> </ul> </li> <li>ii. Memantau baki ABT dan mengutip ABT</li> </ul>
<b>4.</b>	<b>PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN</b>	
a.	Menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima dan mengumpul permohonan pembelian atau perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja serta menyemak cara perolehan dan peruntukan yang sedia ada.</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan cara pembelian atau perolehan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa dan seterusnya mendapat kelulusan.</li> <li>iii. Menguruskan proses perolehan secara terus, sebutharga dan tender.</li> <li>iv. Mengesahkan bekalan, perkhidmatan atau kerja telah diterima atau dilaksanakan dengan sempurna.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
<b>5.</b>	<b>PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN</b>	
a.	Menguruskan hal ehwal bayaran emolumen dan potongan Pegawai Perkhidmatan Awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR. JPA 2-Pin.1/96).</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR. JPA 2-Pin.1/96).</li> <li>iii. Menyediakan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019).</li> <li>iv. Menyemak dan mengesahkan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019).</li> <li>v. Kunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019).</li> <li>vi. Menyemak dan mengesahkan ketepatan pindah catat urus niaga perubahan gaji dan Arahan Pembayaran.</li> <li>vii. Menyediakan Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan.</li> <li>viii. Menyediakan baucar jurnal untuk pelarasan emolumen.</li> <li>ix. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran dalam laporan dan dokumen berkaitan.</li> </ul>
b.	Menyediakan Sijil Gaji Akhir (Kew.101E(1)-2019) Pegawai Perkhidmatan Awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjana Sijil Gaji Akhir (Kew.101E(1)-2019).</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran di dalam Sijil Gaji Akhir (Kew.101E(1)-2019).</li> </ul>
c.	Menerima, memproses dan mengagihkan cek dan laporan gaji kepada pihak yang berkaitan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima dan merekod dalam Buku Daftar Cek bayaran emolumen dan potongan gaji.</li> <li>ii. Mengagihkan cek kepada penerima yang berhak.</li> <li>iii. Menyemak dan mengesahkan laporan emolumen bulanan.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
<b>6.</b>	<b>PENGURUSAN PEMBAYARAN</b>	
a.	Menguruskan semua jenis bayaran selain bayaran emolumen Pegawai Perkhidmatan Awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima dan menyemak invois, penyata atau dokumen sokongan.</li> <li>ii. Menyedia Arahan Pembayaran dan dokumen-dokumen sokongan.</li> <li>iii. Menyemak dan mengesah ketepatan butiran dalam Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan.</li> <li>iv. Menyemak dan mengesah ketepatan butiran bayaran melalui Kad Kredit Korporat.</li> <li>v. Menyelenggara rekod Akaun Belum Bayar (ABB).</li> </ul>
b.	Menyedia dan memproses borang pewujudan, pembatalan atau pindaan akaun Sistem Bayaran Pukul.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan Borang Wujud/Batal/Kemaskini Akaun Bayaran Pukul (Kew. 310E).</li> <li>ii. Menyemak dan mengesahkan ketepatan butiran di dalam Borang Wujud/Batal/Kemaskini Akaun Bayaran Pukul (Kew. 310E).</li> <li>iii. Memproses Borang Kew. 310E dan mengambil tindakan selanjutnya ke atas borang yang telah disahkan.</li> </ul>
c.	Menyemak bil pukal yang diterima daripada agensi dengan Laporan Bulanan Pembayaran Pukul dan Laporan Terperinci Pembayaran Pukul; dan mengambil tindakan susulan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyemak dan mengesahkan Laporan Bulanan Pembayaran Pukul dan Laporan Terperinci Pembayaran Pukul; dengan bil yang diterima daripada agensi.</li> <li>ii. Mengambil tindakan susulan dengan agensi sekiranya memerlukan pembedahan atau tindakan selanjutnya jika bil tidak diterima dari agensi.</li> </ul>
d.	Menyelenggara Daftar Bil atau Laporan Bil/Invois (AP103)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengemaskini Daftar Bil atau Laporan Bil/Invois (AP103).</li> <li>ii. Menyemak Daftar Bil atau Laporan Bil/Invois (AP103) dan mengambil tindakan susulan.</li> </ul>



Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
e.	Mengurus dan menyelenggara EFT/Cek dari segi pembatalan, penggantian, pembukaan palang dan penahanan cek/EFT.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan bagi bayaran semula EFT/Cek terbatal.</li> <li>ii. Memproses EFT/Cek gantian di atas permohonan atau cek rosak.</li> <li>iii. Memproses pembatalan palang cek mengikut peraturan yang ditetapkan.</li> <li>iv. Memaklumkan dan menghantar surat kepada bank mengenai penahanan bayaran ke atas EFT/Cek.</li> <li>v. Mengambil tindakan susulan yang perlu ke atas EFT/Cek yang ditahan pembayaran berdasarkan arahan yang sah.</li> </ul>
f.	Membantu menguruskan kredit pembekal/surat piutang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan atau memproses permohonan kredit pembekal (pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan dalam bentuk barangan) atau surat piutang (<i>Letter of Credit</i>).</li> <li>ii. Mengesahkan pembayaran ke atas kes-kes ketidaksamaan atau pindahan.</li> </ul>
g.	Menyelenggara, mengemaskini dan mengedarkan Jadual Kadar Pertukaran Matawang Asing.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan dan mengedarkan Jadual Kadar Pertukaran Matawang Asing.</li> </ul>
<b>7.</b>	<b>PENGURUSAN AKAUN</b>	
a.	Menyelenggara, mengemaskini, memantau akaun vot/dana/amanah/terimaan/deposit.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan mengemaskini urus niaga vot/dana/amanah/terimaan/deposit secara manual atau berkomputer.</li> <li>ii. Menyemak laporan vot/dana/amanah/terimaan/deposit.</li> <li>iii. Menyedia Mengesah baki dan menyedia penyata penyesuaian akaun vot/dana/amanah/terimaan/deposit.</li> <li>iv. Memantau penerimaan Sijil Pengesahan Baki serta Penyata Penyesuaian dan mengambil tindakan susulan.</li> <li>v. Menyedia Sijil Pengesahan Baki vot/dana/amanah/terimaan/deposit.</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
		vi. Menyemak dan mengesah Sijil Pengesahan Baki vot/dana/amanah/terimaan/deposit.
b.	Menyelenggara dan mengemaskini akaun subsidiari termasuk penyesuaian dengan akaun kawalan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan mengemaskini Daftar Akaun Subsidiari.</li> <li>ii. Memproses dan memindah catat data atau maklumat akaun subsidiari.</li> <li>iii. Menyediakan penyesuaian akaun subsidiari dengan akaun kawalan.</li> </ul>
c.	Menyelenggara buku daftar dokumen kewangan.	i. Merekod, mengemaskini dan menyemak buku daftar dokumen kewangan.
<b>8.</b>	<b>PEMANTAUAN DAN NAZIRAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN</b>	
a.	Menjalankan pemantauan dan naziran kewangan dan perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Naziran Belanja</li> <li>ii. Naziran Terimaan</li> <li>iii. Naziran Pendahuluan</li> <li>iv. Naziran Aset</li> <li>v. Naziran pematuhan Piawaian Perakaunan Sektor</li> <li>vi. Awam Malaysia (<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards - MPSAS</i>), melibatkan Liabiliti, Ekuiti, Belanja, Aset Dan Hasil.</li> </ul>
<b>9.</b>	<b>PERAKAUNAN PENGURUSAN</b>	
a.	Menganalisis maklumat kewangan dan bukan kewangan dan menyediakan laporan berkaitan Perakaunan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Analisis Pengekosan – myCOST: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) <i>PTJ Based Costing</i> (PBC)</li> <li>b) <i>Outcome Based Costing</i> (OBC)</li> </ul> </li> <li>ii. Analisis Penyata Kewangan Dan Penilaian Risiko</li> <li>iii. Analisis Pengurusan Prestasi</li> <li>iv. Analisis Sumber</li> <li>v. Analisis maklumat kewangan dan bukan kewangan</li> </ul>

Bil.	Bidang Tugas	Deskripsi Tugas
<b>10.</b>	<b>PERAKAUNAN ASET</b>	
a.	Menjalankan tugas berkaitan perakaunan aset	i. Perakaunan Perolehan Aset: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perolehan Aset Hadiah /Sumbangan dan Lain-lain.</li> <li>b) Perolehan Aset Pajakan Kewangan.</li> <li>c) Perolehan Aset Konsesi.</li> </ul> ii. Perakaunan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Arahan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan.</li> <li>b) Proses Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan Pindahan Aset.</li> </ul> iii. Perakaunan Pindahan Aset iv. Perakaunan Pengelasan Aset v. Perakaunan Pelarasan Aset vi. Perakaunan Pembatalan Urus niaga Aset vii. Perakaunan Penilaian Semula Aset viii. Perakaunan Penjejasan Aset ix. Perakaunan Pelupusan Aset
<b>11.</b>	<b>KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN</b>	
a.	Memberi khidmat nasihat dan perundingan kewangan dan perakaunan	i. Khidmat nasihat berkaitan prosedur/piawaian perakaunan dan kewangan. ii. Memantau, memberi khidmat nasihat dan menjadi pakar rujuk sistem perakaunan dan kewangan. iii. Membantu menyelesaikan isu berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan.

*Bidang dan Deskripsi Tugas Pengurusan Kewangan dan Perakaunan seperti di Jadual E4-U53 adalah berdasarkan Lampiran B1, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2020 serta tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.*

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam
Tahun Pewujudan	1977
Objektif	Memastikan tugas pemeriksaan kapal terbang dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pemeriksa Kapal Terbang yang diarah dan melaksanakan tugas pemeriksaan kapal terbang
Kadar	RM1,500.00 sebulan
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perenggan 1(b), Surat JPA 535/74/7sk/Gaji/(59) bertarikh 2 Februari 1980</li> <li>2. Perenggan 2(a), Surat JPA(S)215/8/2-1(41) bertarikh 28 Oktober 1994</li> <li>3. Perenggan 2.1(i), Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4(5) bertarikh 21 Mac 2007</li> <li>4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>
Catatan	Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang (Lampiran E4-U45)

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Mengendali Reaktor Nuklear
Tahun Pewujudan	1989
Objektif	Memastikan tugas pengendalian reaktor nuklear dilaksanakan dengan teratur berdasarkan prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibayar kepada pegawai berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Penolong Jurutera Gred JA5;</li> <li>b. Penolong Pegawai Sains Gred C5;</li> <li>c. Pembantu Makmal Gred C1 dan C2; dan</li> <li>d. Pegawai lain yang berkelayakan dan mengendalikan reaktor nuklear di Loji dan Pusat Kemudahan Agensi Nuklear Malaysia.</li> </ol> </li> <li>2. Lulus peperiksaan khas bertulis dan latihan amali berkaitan tugas pengendalian reaktor nuklear; dan</li> <li>3. Tugas mengendali reaktor dan loji merupakan tugas tambahan pegawai.</li> </ol>
Kadar	RM150.00 sebulan
Agensi	Agensi Nuklear Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perenggan (a), Surat JPA(S)63/17/9/(33) bertarikh 4 Mei 1989</li> <li>2. Surat JPA(S)(BGE)63/17-2 Klt. 2 (4) bertarikh 28 Mac 2008</li> <li>3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor										
Tahun Pewujudan	1999										
Objektif	Memastikan tugas pengurusan stor dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut tatacara yang berkuat kuasa.										
Kriteria	Kelayakan										
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.										
Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibayar kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menjalankan tugas pengurusan stor <b>sepenuh masa</b> dalam bidang kawalan stok dan penstoran; dan</li> <li>2. Bidang tugas pengurusan stor adalah seperti di <b>Jadual E4-U56</b>.</li> </ol>										
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Kelayakan</th> <th>Kadar Sebulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pegawai yang memiliki kelayakan* yang diiktiraf</td> <td>80.00</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pegawai yang tidak memiliki kelayakan* yang diiktiraf</td> <td>40.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*kelayakan - sijil atau slip keputusan peperiksaan</i></p>		Bil.	Kelayakan	Kadar Sebulan (RM)	1.	Pegawai yang memiliki kelayakan* yang diiktiraf	80.00	2.	Pegawai yang tidak memiliki kelayakan* yang diiktiraf	40.00
Bil.	Kelayakan	Kadar Sebulan (RM)									
1.	Pegawai yang memiliki kelayakan* yang diiktiraf	80.00									
2.	Pegawai yang tidak memiliki kelayakan* yang diiktiraf	40.00									
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi										
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1999</li> <li>2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>										

**Jadual E4-U56 : Perincian Tugas Pengurusan Stor**

<b>Bil.</b>	<b>Tugas</b>	<b>Perincian Tugas</b>
1.	Kawalan Stok	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut paras-paras stok tertentu serta menyediakan pesanan (rekuisisi) bagi penokokan stok. Mengurus rekod yang sistematik dalam daftar stok mengikut kod dan menyelenggara katalog barang-barang.</li> <li>ii. Melaksanakan pemeriksaan stok (pengiraan fizikal) berkala ke atas semua jenis barang dan menyelaraskan dengan rekod-rekod stok.</li> <li>iii. Menyediakan laporan/penyataan hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan/hapus kira terhadap barang-barang stor.</li> </ul>
2.	Penstoran	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurus hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.</li> <li>ii. Menguruskan hal ehwal pembungkusan, pengangkutan dan penghantaran barang-barang ke destinasi tertentu.</li> <li>iii. Mengurus, mengemaskini dan memantau semua akaun berhubung dengan kawalan stok, kawalan kerja dan kawalan kewangan bagi stor-stor tidak beruntuk (<i>unallocated stores</i>)</li> </ul>

Nama Elaun	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan.
Tahun Pewujudan	1998
Objektif	Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berterusan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada anggota perubatan yang terlibat dengan tugas-tugas atas panggilan selepas waktu pejabat seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jururawat Masyarakat yang bertugas secara berseorangan di Klinik Desa di seluruh negara; dan</li> <li>2. Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas secara berseorangan di Klinik Kesihatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.</li> </ol>
Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat JPA 63/31 SK. 6 Klt. 4 (34) bertarikh 24 April 1998</li> <li>2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002</li> <li>3. Surat JPA(S)471/Klt. 6 (8) bertarikh 1 Mac 2004</li> <li>4. Surat JPA(S) 471/Klt. 7/(28) bertarikh 17 September 2004</li> <li>5. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld. 2 (4) bertarikh 15 Februari 2023</li> <li>6. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld.3 (19) bertarikh 28 Ogos 2024</li> <li>7. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>
Catatan	Pindaan nama daripada Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa.



Nama Elaun	Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital							
Tahun Pewujudan	2002							
Objektif	Memastikan perkhidmatan rawatan pesakit selepas waktu pejabat di klinik kesihatan dan klinik rawatan pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital dilaksanakan dengan berkesan.							
Kriteria	Tanggungjawab tambahan							
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	<b>Tidak tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.							
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (Kumpulan Pengurusan dan Profesional, [P&P]) yang bertugas dalam waktu peluasan ( <i>extended hours</i> ) selepas waktu pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital merangkumi Hari Bekerja Biasa, Hari Rehat Mingguan (Sabtu), Hari Kelepasan Mingguan (Jumaat/Ahad) dan Hari Kelepasan Am.							
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kadar Sejam (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pegawai Perubatan</td> <td>80.00</td> </tr> <tr> <td>Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (P&amp;P)</td> <td>25.00</td> </tr> </tbody> </table>		Kategori	Kadar Sejam (RM)	Pegawai Perubatan	80.00	Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (P&P)	25.00
Kategori	Kadar Sejam (RM)							
Pegawai Perubatan	80.00							
Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (P&P)	25.00							
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia							
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat JPA(S).800-7/2/148 (9) bertarikh 30 Mac 2023</li> <li>2. Surat JPA(S).800-7/2/148 (27) bertarikh 16 Jun 2023</li> <li>3. Surat JPA(S).800-7/2/148 Jld.2 (5) bertarikh 21 September 2023</li> <li>4. Surat JPA(S).800-7/2/148 Jld.2 (11) bertarikh 6 November 2023</li> <li>5. Surat JPA(S).800-7/2/148 Jld.3 (2) bertarikh 12 Mac 2024</li> <li>6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>							
Catatan	Pindaan nama daripada Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital.							

Nama Elaun	Elaun Guru Besar dan Pengetua						
Tahun Pewujudan	1989						
Objektif	Memastikan urusan pentadbiran sekolah dilaksanakan oleh Pengetua atau Guru Besar yang berkeelayakan dan terlatih.						
Kriteria	Tanggungjawab tambahan						
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.						
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik sebagai Pengetua di sekolah menengah atau Guru Besar di sekolah rendah.						
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kadar Sebulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengetua</td> <td>300.00</td> </tr> <tr> <td>Guru Besar</td> <td>200.00</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Kadar Sebulan (RM)	Pengetua	300.00	Guru Besar	200.00
Kategori	Kadar Sebulan (RM)						
Pengetua	300.00						
Guru Besar	200.00						
Penerima	Kementerian Pendidikan Malaysia						
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat JPA(S)63/75/3 (SV8) bertarikh 12 Januari 2001</li> <li>2. Surat JPA(SARAAN)(S)63/17-1 Jld. 2 (32) bertarikh 7 April 2010</li> <li>3. Surat JPA.SARAAN(S)63/75/3 Klt.9(6) bertarikh 19 Januari 2015</li> <li>4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>						

Nama Elaun	Elaun Guru Kelas Bahasa Ibunda							
Tahun Pewujudan	2001							
Objektif	Meningkatkan penguasaan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar Cina dan India di sekolah kebangsaan selepas waktu persekolahan.							
Kriteria	Tanggungjawab Tambahan							
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.							
Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina selepas waktu persekolahan; dan</li> <li>2. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar Bahasa Tamil dan Bahasa Cina di sekolah kebangsaan selepas waktu persekolahan hendaklah memiliki kelayakan yang relevan sekurang-kurangnya di peringkat sijil iktisas atau setaraf.</li> </ol>							
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kadar Sejam (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 dan ke atas</td> <td>60.00</td> </tr> <tr> <td>Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 hingga DG8</td> <td>50.00</td> </tr> </tbody> </table>		Kategori	Kadar Sejam (RM)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 dan ke atas	60.00	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 hingga DG8	50.00
Kategori	Kadar Sejam (RM)							
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 dan ke atas	60.00							
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 hingga DG8	50.00							
Penerima	Kementerian Pendidikan Malaysia							
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat JPA(S)215/8/2-10(SV160) bertarikh 28 Ogos 2001</li> <li>2. Surat JPA (BGE) (S) 63/51/4 (9) bertarikh 11 Oktober 2007</li> <li>3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>							

Nama Elaun	Elaun Jurulatih Sukan								
Tahun Pewujudan	2008								
Objektif	Memastikan tugas kejurulatihan dilaksanakan oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkelayakan dan terlatih.								
Kriteria	Tanggungjawab tambahan								
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.								
Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang menjadi jurulatih bagi Program Bakat Muda di Pusat Kecemerlangan Sukan yang melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) jenis sukan prestasi tinggi mengikut syarat dan peraturan Persekutuan Sukan Antarabangsa dan Jawatankuasa Olimpik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;</li> <li>2. Mempunyai Sijil Kejurulatihan yang diiktiraf oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan dan mempunyai keahlian yang aktif dalam Pendaftaran Jurulatih Peringkat Kebangsaan di bawah Institut Sukan Negara Malaysia;</li> <li>3. Melaksanakan sesi latihan sekurang-kurangnya tiga (3) kali seminggu selama dua (2) jam sehari kecuali pada masa cuti persekolahan dan bulan Ramadan; dan</li> <li>4. Perlu mengemukakan laporan lengkap Program Latihan dan Prestasi Kemajuan Atlet secara bulanan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.</li> </ol>								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahap Kemahiran*</th> <th>Kadar Sebulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tahap III</td> <td>375.00</td> </tr> <tr> <td>Tahap II</td> <td>300.00</td> </tr> <tr> <td>Tahap I</td> <td>225.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Berdasarkan kepada kelayakan yang diiktiraf oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan</i></p>	Tahap Kemahiran*	Kadar Sebulan (RM)	Tahap III	375.00	Tahap II	300.00	Tahap I	225.00
Tahap Kemahiran*	Kadar Sebulan (RM)								
Tahap III	375.00								
Tahap II	300.00								
Tahap I	225.00								
Penerima	Kementerian Pendidikan Malaysia								
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat JPA(BGE)(S)63/51/5(14) bertarikh 25 Januari 2008</li> <li>2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>								

Nama Elaun	Elaun Kerja Luar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia								
Tahun Pewujudan	2007								
Objektif	Menghargai penugasan di luar pejabat dalam memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air dan tanah.								
Kriteria	Tanggungjawab Tambahan								
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tidak tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.								
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang perlu bermalam dan berkhemah dalam hutan kerana menjalankan tugas rasmi dengan syarat seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai yang menuntut elaun ini <b>tidak layak</b> membuat tuntutan Elaun Lojing. Walau bagaimanapun, pegawai masih layak menuntut elaun dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi; dan</li> <li>2. Pegawai perlu menyatakan alamat secara kasar atau kedudukan perkhemahannya seperti nombor <i>management unit</i> atau kedudukan <i>global positioning system</i> semasa membuat tuntutan elaun ini.</li> </ol>								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th> <th>Kadar Semalam (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>12</td> <td>70.00</td> </tr> <tr> <td>9 - 10</td> <td>65.00</td> </tr> <tr> <td>1 - 8</td> <td>50.00</td> </tr> </tbody> </table>	Gred	Kadar Semalam (RM)	12	70.00	9 - 10	65.00	1 - 8	50.00
Gred	Kadar Semalam (RM)								
12	70.00								
9 - 10	65.00								
1 - 8	50.00								
Penerima	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia								
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat JPA(S)215/8/2 Klt.3 (40) bertarikh 30 Januari 2008</li> <li>2. Surat JPA.(S).800-6/1/48 (12) bertarikh 15 Februari 2023</li> <li>3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>								

Nama Elaun	Elaun Kerja Luar Kadastra dan Pemetaan																													
Tahun Pewujudan	1974																													
Objektif	Menggantikan kelayakan tuntutan kerana bertugas rasmi bagi tugas-tugas melibatkan penyediaan maklumat ukur hak milik tanah, pemetaan dan persempadanan.																													
Kriteria	Tanggungjawab tambahan																													
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tidak tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.																													
Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibayar kepada pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia yang menjalankan aktiviti pengukuran bagi kerja-kerja berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. ukur kadaster (meliputi ukuran hakmilik, trabas kawalan dan semakan kerja-kerja strata);</li> <li>b. ukuran pemetaan topografi (termasuk pemetaan utiliti);</li> <li>c. ukuran sempadan antara negeri; dan</li> <li>d. ukuran sempadan antarabangsa Malaysia - Thailand.</li> </ol> </li> <li>2. Pegawai <b>tidak layak</b> menuntut perbelanjaan penginapan dan Elaun Makan sekiranya dibayar elaun ini.</li> </ol>																													
Kadar	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Gred</th> <th colspan="5">Kadar Sehari (RM)</th> </tr> <tr> <th>A</th> <th>B</th> <th>C</th> <th>D</th> <th>E</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>J9 dan J10</td> <td>12.67</td> <td>31.70</td> <td>34.67</td> <td>79.00</td> <td>44.17</td> </tr> <tr> <td>JA5 - JA8</td> <td>9.87</td> <td>24.67</td> <td>27.67</td> <td>62.20</td> <td>35.07</td> </tr> <tr> <td>H1</td> <td>8.67</td> <td>21.67</td> <td>24.67</td> <td>55.00</td> <td>31.17</td> </tr> </tbody> </table> <p>Catatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>A. Tugas dalam kawasan pejabat</li> <li>B. Tugas dalam kawasan biasa di luar kawasan pejabat</li> <li>C. Tugas dalam kawasan hutan di luar kawasan pejabat</li> <li>D. Tugas pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia – Thailand</li> <li>E. Tugas pengukuran sempadan antara negeri</li> </ol>	Gred	Kadar Sehari (RM)					A	B	C	D	E	J9 dan J10	12.67	31.70	34.67	79.00	44.17	JA5 - JA8	9.87	24.67	27.67	62.20	35.07	H1	8.67	21.67	24.67	55.00	31.17
Gred	Kadar Sehari (RM)																													
	A	B	C	D	E																									
J9 dan J10	12.67	31.70	34.67	79.00	44.17																									
JA5 - JA8	9.87	24.67	27.67	62.20	35.07																									
H1	8.67	21.67	24.67	55.00	31.17																									

Penerima	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Surat JPA.63/32/11(11) bertarikh 19 Disember 1974</li><li>2. Perenggan (b), Surat JPA.63/32/(77) bertarikh 22 Jun 1982</li><li>3. Surat JPA.63/32/(101) bertarikh 29 Jun 1983</li><li>4. Surat JPA 63/32/(102) bertarikh 7 Julai 1983</li><li>5. Surat JPA 63/32/(133) bertarikh 30 November 1985</li><li>6. Perenggan 2.1, Surat JPA 63/32/JD.2/(27) bertarikh 6 Ogos 1996</li><li>7. Perenggan B10, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002</li><li>8. Surat JPA(S)63/183(18) bertarikh 24 April 2008</li><li>9. Surat JPA(S)63/183(44) bertarikh 5 Mac 2010</li><li>10. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li></ol>

Nama Elaun	Elaun Lebih Masa
Tahun Pewujudan	1974 (Perintah Am Bab G - Waktu Bekerja dan Lebih Masa)
Objektif	Memastikan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan di luar waktu bekerja biasa diselesaikan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tidak tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat dalam PPSM SR.4 Waktu Bekerja Ceraian SR.4.3.1 Kerja Lebih Masa dan Elaun Lebih Masa.
Kadar	Rujuk kadar dalam PPSM SR.4 Waktu Bekerja Ceraian SR.4.3.1 Kerja Lebih Masa dan Elaun Lebih Masa.
Penerima	Semua Kementerian dan Agensi kecuali ATM, PDRM, APMM, JBPM, Jabatan Penjara Malaysia dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.



Nama Elaun	Elaun Luar Penghulu								
Tahun Pewujudan	1974								
Objektif	Memastikan tugas penghulu di peringkat kampung dilaksanakan secara berterusan.								
Kriteria	Penempatan								
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.								
Syarat-syarat Kelayakan	Dibayar kepada Penghulu Gred NP5, NP6, NP7 dan NP8								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th> <th>Kadar Sebulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>NP7 dan NP8</td> <td>300.00</td> </tr> <tr> <td>NP6</td> <td>250.00</td> </tr> <tr> <td>NP5</td> <td>200.00</td> </tr> </tbody> </table>	Gred	Kadar Sebulan (RM)	NP7 dan NP8	300.00	NP6	250.00	NP5	200.00
Gred	Kadar Sebulan (RM)								
NP7 dan NP8	300.00								
NP6	250.00								
NP5	200.00								
Agensi	Kerajaan Negeri								
Pembatalan PP/SPP/SE	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perenggan 19, Lampiran D6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991</li> <li>Perenggan 9, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996</li> <li>Perenggan 12, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002</li> <li>Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009</li> <li>Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.</li> </ol>								

Nama Elaun	Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia
Tahun Pewujudan	2005
Objektif	Memastikan tugas-tugas pemanduan dilaksanakan oleh pegawai penjara dengan cekap.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	<b>Tertakluk</b> kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
